

PM mahu industri ternakan diperluas

27 JUL 1994

KUALA LUMPUR, Selasa - Usahawan tempatan boleh melabur di Thailand atau Indonesia, sebagai alternatif baru memperluaskan industri penternakan dan pertanian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu selaras dengan saranan kerajaan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang penternakan atau pertanian di kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Katanya, kerjasama berkenaan difikirkan praktikal kerana kedua-dua negara terbabit bukan saja mempunyai kawasan tanah yang luas, malah mudah dan tenaga buruh murah.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perayaan seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan di sini hari ini, Dr Mahathir berkata:

"Kementerian Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedia memberi bantuan serta membekalkan teknologi kepada usahawan tempatan yang berminat menerokainya.

"Kerajaan berpendapat industri penternakan dan pertanian perlu diberi penekanan walaupun kerajaan kini dalam proses menuju era teknologi canggih mencapai Wawasan 2020."

Dr Mahathir berkata, sektor penternakan dan pertanian kini turut berkembang, tetapi tidak sepantas atau sebesar sektor pembuatan.

Menurutnya, soal kekurangan tanah atau tapak melaksanakan projek penternakan atau pertanian seharusnya tidak menjadi halangan kerana kini teknologi moden semakin luas digunakan.

"Dalam penternakan ayam misalnya, kita mungkin boleh mengadakan bangunan bertingkat...demikian juga dengan lembu daging, kita tidak perlu melepaskannya di padang ragut yang luas, tetapi memadai dengan menyediakan lot kecil," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, dalam proses menjadikan penternakan dan pertanian sebagai industri komersial tidak terlalu sukar kerana yang penting ialah komitmen serta kesediaan menggunakan teknologi baru.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir menegaskan golongan penternak perlu berani menerima teknologi baru dan membuat pelaburan lebih

PM mahu industri ternakan diperluas

BH 27 JUL 1994

DARI MUKA 1

besar bagi menjadikan industri penternakan bercorak komersil.

Sehubungan itu, beliau mahu saintis tempatan lebih agresif dalam penyelidikan mereka kerana negara tidak boleh terus kekal sebagai pengguna teknologi orang lain.

Katanya, penternak yang mengamalkan cara lama pasti ketinggalan serta tidak dapat bersaing

dalam pasaran terbuka.

"Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt) yang baru kita meterai akan membawa implikasi besar kepada penternak. Sempadan negara bukan lagi boleh dijadikan benteng untuk melindungi industri tidak cekap.

"Daya saing adalah senjata paling sesuai dalam pasaran yang lebih

terbuka dan ini bermakna penternak perlulah berani menerima teknologi baru serta membuat pelaburan lebih besar," katanya.

Sempena perayaan itu diadakan pameran pertanian dan industri haiwan antarabangsa (Intagro 94) mulai hari ini hingga Sabtu.

Turut hadir Menteri Pertanian, Datuk Seri

Sanusi Junid; Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee.

Dr Mahathir berkata, dalam usaha menjadi sebuah negara maju, Malaysia perlu menjadi pengeluar dan pencipta teknologi, bukan sebagai pengguna teknologi orang lain.